NO SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]

TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga tahun 2019, sebanyak 7.6 juta pendaftaran perniagaan dan 22 ribu pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad, berapa individu di antara mereka tidak berdaftar dengan LHDN dan berapa yang telah berdaftar serta jumlah cukai yang telah dikutip.

NO SOALAN : 36

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data yang dibangkitkan oleh YB Alor Setar ke atas bilangan pendaftaran perniagaan sebanyak 7.6 juta dan 22 ribu pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad adalah berdasarkan statistik data di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga tahun 2020.

Namun begitu, berdasarkan data Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sehingga 31 Disember 2019, terdapat hanya sebanyak 4,238,807 fail pembayar cukai kategori perniagaan (milikan tunggal dan perkongsian) yang berdaftar dengan LHDNM. Bilangan fail pembayar cukai bagi kategori Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) pula adalah sebanyak 8,176 fail.

Pihak LHDNM tidak mempunyai data pembayar cukai yang tidak berdaftar kerana mulai tahun taksiran 2004, Kerajaan telah memperkenalkan pelaporan cukai pendapatan berdasarkan Sistem Taksiran Sendiri (STS) bagi kategori perniagaan, perkongsian dan pertubuhan merangkumi PLT. Sistem ini memindahkan tanggungjawab kepada individu dan entiti yang menerima pendapatan untuk mengira dan melaporkan pendapatan mereka kepada pihak LHDNM.

Sekian, terima kasih.